

AS, Malaysia meterai memorandum kerjasama perkukuh daya tahan rantai bekalan semikonduktor

Astro Awani

12 Mei 2022

Bernamea

KUALA LUMPUR: Setiausaha Perdagangan Amerika Syarikat (AS) Gina M. Raimondo dan Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memeterai Memorandum Kerjasama (MOC) AS-Malaysia mengenai daya tahan rantai bekalan semikonduktor.

MOC itu bertujuan menyediakan prinsip panduan kepada kedua-dua negara berikutan kerjasama masing-masing dalam memperkukuh usaha-usaha daya tahan rantai bekalan semikonduktor.

Ketika menandatangani MOC berkenaan, Raimondo dan Mohamed Azmin mengakui kerjasama AS-Malaysia merupakan elemen penting dalam mewujudkan rantai bekalan semikonduktor yang berdaya tahan, terjamin dan mampan.

"Berdasarkan lawatan Raimondo ke Malaysia pada November 2021, MOC tersebut akan memperteguh perkongsian yang semakin berkembang di antara kedua-dua kerajaan dan industri semikonduktor," menurut kedua-dua pihak dalam kenyataan bersama, pada Rabu.

MOC tersebut turut berperanan meningkatkan ketelusan dan kepercayaan, selain menggalakkan pelaburan dalam rantai bekalan semikonduktor.

Sebagai menunjukkan komitmen mereka terhadap aktiviti yang digariskan dalam MOC berkenaan, kedua-dua pemimpin mengadakan persidangan meja bulat dengan pakar industri untuk membincangkan mengenai cabaran rantai bekalan jangka panjang dan semasa, di samping peluang kepada kedua-dua negara dan ekonomi global.

Semasa mesyuarat itu, Raimondo dan Mohamed Azmin sekali lagi menegaskan kepentingan hubungan perdagangan dan pelaburan AS-Malaysia berikutan hubungan diplomatik selama 65 tahun dan membincangkan bidang yang boleh ditingkatkan kerjasama.

Mereka turut bertukar-tukar pandangan mengenai Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF). Mereka antara lain membincangkan kepentingan untuk rangka kerja itu menjadi inklusif dan kaedah bagi IPEF untuk menyampaikan manfaat bermakna dari segi ekonomi, termasuk melalui bantuan teknikal dan pembinaan kapasiti.

Jabatan Perdagangan AS dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia bercadang mengadakan pertukaran dengan pihak berkepentingan di bawah MOC itu, pada masa akan datang.

-- BERNAMA

© 2022 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-meterai-memorandum-kerjasama-perkukuh-daya-tahan-rantain-bekalan-semikonduktor-360903>